

13/10/1997

Konsep baru bertani (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan merancang merombak sektor pertanian dengan mewujudkan kawasan pelbagai tanaman membabitkan penggunaan teknologi moden, tanpa penggunaan tenaga buruh yang besar.

Menerusi konsep baru itu, petani di negara ini akan memiliki tanah yang lebih besar sekurang-kurangnya empat hektar seorang dengan memanfaatkan teknologi tinggi.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, berkata konsep pertanian baru itu akan dilaksanakan di sebuah perkampungan pertanian khas di Kedah, yang dijangka beroperasi mulai awal tahun depan.

Jika perkampungan khas itu mencapai kejayaan, katanya, ia akan diperluaskan ke seluruh negara dan akan menjadi asas strategi pertanian baru untuk Malaysia pada masa depan.

Menurut beliau, dua pakar dari Royal Agricultural College di United Kingdom dijadual tiba petang ini untuk membantu kerajaan mewujudkan kawasan pertanian moden itu.

Mereka akan memilih tapak pertanian yang sesuai daripada tiga lokasi cadangan kerajaan Kedah untuk dijadikan perkampungan berkenaan.

"Secara asasnya, apa yang kita mahu lakukan ialah mewujudkan bentuk pembangunan baru di bidang pertanian dengan meningkatkan proses pengeluaran hasil secara menyeluruh.

"Kita tidak boleh menggunakan konsep sedia ada yang jauh ketinggalan. Sektor pertanian harus lebih produktif dan berbentuk komersil serta memerlukan penggunaan mesin," katanya kepada pemberita pada Hari Keluarga kementeriannya di Tasik Titiwangsa di sini, hari ini.

Rancangan membuka perkampungan pertanian moden itu diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berminat mencontohi usaha petani di Britain dan Jepun membangunkan kawasan pertanian dengan menggunakan teknologi moden tanpa tenaga manusia yang ramai.

Mengumumkan konsep baru itu pada sidang akhbar setibanya daripada percutian dua bulan di luar negara Julai lalu, Perdana Menteri memberi contoh petani di England yang boleh menguruskan kawasan ladang seluas beribu-ribu hektar, tanpa memerlukan jumlah tenaga yang besar.

Sesuai dengan hasrat itu, kerajaan Kedah menawarkan kawasan seluas 4,000 hektar di Kedah sebagai perkampungan pertanian moden yang bakal menjadi projek contoh dalam bidang teknologi pertanian di Malaysia.

Menurut Sulaiman, dua pakar berkenaan dijadualkan mengadakan taklimat di Kementerian Pertanian esok sebelum menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sebelah petang.

"Mereka akan mengadakan perbincangan dengan saya di sebelah malam, sebelum melawat Kedah bagi melihat tiga tapak cadangan projek terbabit pada keesokan harinya.

"Pegawai saya akan membekalkan maklumat secukupnya kepada dua pakar itu untuk membuat pilihan," katanya.

Beliau berkata, setiap petani akan memiliki kawasan pertanian yang lebih besar supaya hasil yang diperolehi dan keuntungan untuk jauh panjang, jauh lebih besar.

Menurutnya, ia mungkin membabitkan pengeluaran modal di kalangan petani tetapi pada jangka panjang sudah tentunya lebih lumayan.

Selain itu, katanya, kementerian itu akan turut mengkaji jenis tanaman yang boleh diproses di kawasan terbabit. Ia dijangka membabitkan pelbagai bentuk tanaman untuk mempelbagaikan hasil.

"Ini bermakna kalau seseorang petani menanam padi, ia sudah tentunya tidak membabitkan padi saja pada masa depan. Masalahnya di Malaysia ini asyik nak tanam satu benda saja," katanya.

(END)